

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 November 2015

## PM bangga pemimpin dunia pakai songket

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** Datuk Seri Najib Tun Razak berbangga apabila melihat Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama dan pemimpin-pemimpin dunia yang lain memakai songket.

Perdana Menteri berkata, mereka kelihatan segar dan bergaya dengan berpakaian songket ketika menghadiri Majlis Makan Malam Gala sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di sini malam tadi.

"Marilah kita bersama-sama berharap ia akan mencetuskan aliran fesyen baharu di Malaysia," katanya ketika mengulas tentang

mgilis makan malam tersebut melalui laman Facebook beliau hari ini.

Selain Obama, pemimpin-pemimpin dunia yang hadir tertasuk Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Perdana Menteri India, Narendra Modi dan Presiden Korea Selatan, Park Geun-hye.

Najib menambah, pemimpin-pemimpin dunia dan ASEAN bukan sahaja dijamu dengan hidangan tempatan yang lazat malah, mereka turut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dari negara ini serta negara-negara

ASEAN yang lain.

Mengulas tentang mesyuarat-mesyuarat yang diadakan seharian sebelum itu, beliau memberitahu, intipati yang boleh dirumuskan daripada semua perbincangan tersebut adalah selain kepentingannya di peringkat serantau, ASEAN kini dianggap penting oleh dunia.

Perdana Menteri turut memaparkan dalam laman Facebook beliau gambar pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Rusia, Dmitry Medvedev di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.



**NAJIB TUN RAZAK dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dalam Majlis Makan Malam Gala dengan para pemimpin ASEAN, rakan dialog dan para perwakilan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, malam tadi. Turut hadir Barack Obama, Sultan Hassanal Bolkiah (kiri) dan isteri, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. - BERNAMA**